

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN R. SIVARASA A/L K. RASIAH  
(SUBANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.03.2015**

**Y.B. TUAN R. SIVARASA A/L K. RASIAH [ SUBANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bila RM 7 billion dana milik 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang dulu ditempatkan di Cayman Islands dikembalikan ke Malaysia seperti yang diumumkan oleh pengarah eksekutif 1MDB, En Arul Kanda Kandasamy dan kenapa 1MDB tidak berupaya membayar hutang RM2 billion kepada Maybank dan RHB pada bulan Disember 2014.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan dana yang diuruskan

oleh pengurus dana yang berdaftar di bawah pengawasan badan kawal selia iaitu Cayman Monetary Authority telahpun ditebus sepenuhnya melalui dua *tranche*.

2. Penebusan *tranche* pertama USD1.215 bilion telah digunakan untuk membayar faedah hutang, *working capital* dan lain-lain komitmen yang berjadual manakala *tranche* kedua sebanyak USD1.103 bilion masih disimpan dalam bentuk mata wang asing dan akan digunakan untuk memenuhi pembayaran balik beberapa pinjaman dalam mata wang asing yang dijadualkan pada tahun ini.